

KPDNHEP benar import topeng muka

Kerajaan tetapkan harga siling dinaikkan kepada RM2

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membenarkan import topeng muka berkuat kuasa kelmarin, bagi memastikan bekalan barang itu yang diperlukan ketika penularan COVID-19 mencukupi.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata pada masa sama, aktiviti mengeksport topeng muka juga dihentikan bagi mengelak bahan mentah berkurangan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan menetapkan harga siling bagi topeng muka dinaikkan kepada RM2 berbanding 80 sen sebelum ini kerana kekurangan bahan memproses serta kenaikan harga bahan asas.

"Dengan langkah ini juga, orang ramai boleh mendapatkan topeng muka dalam masa terdekat," katanya pada sidang media selepas menghadiri Perbincangan Bersama Sektor Peruncitan Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Zainal Azman Abu Seman dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Seramai 12 penggiat industri sektor peruncitan keperluan harian hadir pada perbincangan selama dua jam itu yang antara lain turut menyarankan pihak industri meningkatkan amalan penjagaan kesihatan di pasar raya dan kemudahan troli pengguna bagi mengelak jangkitan COVID-19.

Sambil memberi jaminan bekalan makanan mencukupi, beliau juga mahu pengusaha sentiasa bekerjasama memastikan perkara itu serta memaklumkan kepada kementerian sekiranya tidak mencukupi.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang turut hadir pada program itu, berkata bekalan kumpulan makanan utama, termasuk beras, daging, ikan, ayam, sayur dan buah berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Beliau juga menafikan berlaku kenaikan harga telur yang didakwa dijual RM1 sebiji dan menegaskan, ia masih dijual pada harga lama, iaitu antara 29 hingga 31 sen sebiji.